

Hikayat Merong Mahawangsa Pertarungan Wibawa di Jantung Kuasa



INTISARI adalah *rumah penerbitan Kawah Buku*, yang memfokuskan kepada penerbitan ilmiah bagi Pengajian Melayu dan Pengajian Malaysia.

*Pada keseluruhannya, membaca Hikayat
Merong Mahawangsa secara intim,
menemukan kita dengan sebuah naratif
yang mengakar kukuh di bumi Kedah.
Ia membangkitkan sejumlah persoalan
kehidupan umum yang berkaitan:
pertarungan dwi-sifat manusia; ketegangan
antara ideologi dan amalan; kerumitan
dalam hubungan antara agama dan politik;
sifat ketidaktentuan dan ketidakpastian
yang ada dalam ajaran-ajaran. Kesemua
permasalahan ini dapat dirumuskan sebagai
dwi-dilema: permasalahan bahasa—
yang sering terumbang-ambing dalam
sebuah ayunan antara keperujukan dan
pemujukan; dan permasalahan hidup—
yang berbolak-balik seperti sebuah buaian
antara pertanggungjawaban peribadi dan
penyerahan kepada Tuhan, kepada Takdir,
kepada Kebenaran.*

Hikayat Merong Mahawangsa Pertarungan Wibawa di Jantung Kuasa

Hendrik M.J. Maier

Penterjemah
Ruhan Shahrir
Ahmad Tajuddin



INTISARI

Bangi

Hakcipta © 1988 Cornell Southeast Asia Program Publications
Edisi ini adalah terjemahan dengan izin dari penerbit asal. *In the Center of Authority: The Malay Hikayat Merong Mahawangsa* oleh Hendrik M. J. Maier, diterbitkan pertama kali menerusi Southeast Asia Program Publications, Cornell University Press.

Diterbitkan pada 2021 oleh:

INTISARI, rumah penerbitan

Kawah Buku

Bandar Baru Bangi

Selangor Malaysia

press.kawahbuku.com

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Dengan sokongan

Kerajaan Negeri Selangor

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Dengan kerjasama



Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Maier, Hendrik M. J., 1960-

Terjemahan oleh Ruhan Shahrir dan Ahmad Tajuddin

HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA : Pertarungan Wibawa

di Jantung Kuasa / Hendrik M. J. Maier

ISBN 978-967-26405-1-6

1. Hikayat Merong Mahawangsa.
2. Malay literature--Criticism, Textual.
3. Folk literature, Malay.

I. Judul.

899.23

Bacaan semak dan suntingan oleh Azan Safar dan Iskandar Kamel

Konsep dan susunan oleh Rana Rembula

Reka bentuk kulit oleh YoungZheng Liew

Lakaran warna air oleh Azmannor

Diterbitkan di Malaysia

Dicetak oleh Vinlin Press

ISI KANDUNGAN

<i>Penghargaan</i>	ix
<i>Catatan Penggunaan Ejaan</i>	x
<i>Pengenalan</i>	xi
Bab 1 Wibawa	1
Bab 2 Low — Realiti	37
Bab 3 Winstedt — Kosa Kata	73
Bab 4 Tradisi	113
Bab 5 Retak	161
Bab 6 Cetak	205
Bab 7 Teks	253
Bab 8 Samar	279
<i>Lampiran I</i>	321
<i>Lampiran II</i>	323
<i>Bibliografi</i>	327
<i>Indeks</i>	343

PENGHARGAAN

Tradisi keserjanaan mengungkapkan bahawa kerja menulis sentiasa dibuat berlatarkan pembacaan dan perbincangan.

Pertama-tama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tulus dan ikhlas kepada buku dan rencana yang telah disenaraikan di bahagian bibliografi, begitu juga ucapan terima kasih saya kepada pengarang-pengarangnya. Ia telah memberikan saya berjam-jam kenikmatan dan rangsangan intelektual. Membaca, sesungguhnya, bukanlah suatu kerja buat yang suci, tak tercemar. Teks di dalamnya yang memancing dan membangkitkan idea-idea yang sejak sekian lama kita simpan dan teks jugalah yang mencabar pandangan-pandangan yang telah disambut dan diterima di sekeliling kita.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada ramai orang yang telah banyak membantu saya ketika saya mengunjungi Malaysia; penghargaan istimewa seharusnya saya berikan buat Muhammad Haji Salleh.

Saya turut ingin menyampaikan rasa terhutang budi kepada kakitangan perpustakaan Royal Institute of Linguistics and Anthropology di Leiden dan kepada kakitangan Section Oriental Manuscripts, Leiden University Library, untuk perkhidmatan cekap yang telah diberikan kepada saya. Terima kasih juga kepada drs. R.S. Karni yang telah berjaya meyakinkan saya tentang kelebihan menggunakan teknologi moden.

Kajian yang saya lakukan ke atas Hikayat Merong Mahawangsa telah membawa saya ke arah yang tak terjangkakan, dan kadangkala arah yang tak diinginkan, dan ia terjadi kerana pelbagai sebab. Selain daripada mereka yang sering bertanya perihal perjalanan kajian saya, terdapat beberapa orang yang membantu mengembangkan idea-idea kajian ini, memberikan masa mereka untuk berbincang dan juga membaca draf-draf awal saya: Will Derks, Gijs Koster, Jerry Mager, Willem van der Molen, Sandy Niessen, Jack Prentice, Nina Sirakova, dan Roger Tol.

Buku ini ditulis sewaktu saya menjalan kajian akademik bersama Leiden State University dan Catholic University Nijmegen. Dalam bentuknya yang asal, ia adalah tesis PhD yang telah saya majukan dan pertahankan di Leiden. Namun begitu, saya berasa terhutang budi khususnya kepada para sarjana dan pelajar siswazah dari Southeast Asia Program di Cornell University, tatkala saya menghabiskan sesi akademik untuk tahun 1985-1986. Lebih daripada kumpulan lain, mereka telah menunjukkan kepada saya erti keserjanaan yang sebenarnya.

Catatan Penggunaan Ejaan

Semua petikan dari teks Melayu ditulis atau dicetak dalam tulisan Jawi telah dialih aksara. Ejaan semua petikan Melayu, dengan beberapa pengecualian, telah dialih wahana ke dalam ejaan rasmi Bahasa Melayu 1972 untuk mempermudah pembaca.

PENGENALAN

Sebuah teks adalah suatu rangkaian petikan-petikan kata yang dikutip dari pelbagai pusat budaya yang tak terhitung banyaknya.

Ini adalah suatu takrifan ringkas dan padat mengenai sesebuah teks, salah satu daripada banyak variasi takrifan lain yang telah diberikan. Takrifan yang diberikan itu sendiri merupakan suatu bentuk rangkaian petikan-petikan kata. Bagi pembaca-pembaca teks yang mempunyai rasa ingin tahu dan keazaman untuk memperdalamkan pengetahuan, mereka bukan sahaja boleh cuba untuk mengenal pasti daripada mana datangnya petikan-petikan kata itu, tetapi turut menjejaki beberapa pusat budaya, yang mungkin telah menyandarkan wibawanya kepada petikan-petikan kata tersebut—ini adalah lapisan pertama suatu susur galur.

Bermula hanya dengan petikan tertentu yang merupakan cebisan kecil bait-bait kata daripada sesebuah teks, mereka yang didorong oleh keazaman untuk tahu lebih mendalam, boleh melakukan perkara sama ke atas keseluruhan teks tersebut, yakni menyelidiki pusat-pusat budaya yang melahirkan setiap petikan-petikan kata yang terkandung dalam sesebuah teks itu. Dengan cara demikian suatu susur galur dapat dikembangkan seluas-luasnya dan diperhalusi serinci-rincinya. Dan teks-teks yang dikenal pasti sebagai mewakili pusat-pusat budaya tertentu, turut boleh diterokai susur galurnya dengan cara yang sama, yakni melalui penelitian terhadap petikan-petikan kata yang terkandung dalam teks-teks lain dan menyiasat hubung kaitnya. Begitulah seterusnya, daripada satu petikan kata ke petikan kata lainnya, daripada satu teks ke teks lainnya sehingga membentuk suatu rangkaian jalur-jalur yang saling terhubung antara satu titik dengan titik-titik lain yang tak terhitung banyaknya. Semacam suatu nebula dengan rupa bentuknya yang samar, mempesonakan mata yang melihat.

Takrifan yang diberikan terhadap sebuah teks sepertimana diungkapkan di atas—tentunya adalah satu variasi takrifan daripada Roland Barthes, seorang pemikir, ahli teori sastera dan ahli falsafah Perancis. Dan ia seharusnya dilihat sebagai satu daripada pelbagai

takrifan yang dihasilkan oleh aliran pemikiran strukturalisme Perancis dan pengikutnya untuk menjelaskan prinsip intertekstualiti (hubung kait antara suatu teks dengan teks yang lain dalam sebarang penulisan). Takrifan yang telah dikemukakan itu adalah semacam suatu benang merah yang tersulam pada rangkaian petikan-petikan kata yang terkandung dalam buku ini, tentang Hikayat Merong Mahawangsa—sebuah teks Melayu yang dihasilkan oleh penulis tak bernama, di sebuah tempat tak diketahui, dan pada tarikh tak bertanda. Umumnya ia dianggap sebagai sebuah teks mengisahkan sejarah raja-raja Kedah, sebuah kesultanan yang terletak di utara Semenanjung Tanah Melayu.

Buat pembaca yang mahir dalam warisan tradisi Melayu secara keseluruhannya, takrifan Barthes itu hanya sekadar mengesahkan apa yang sudah mereka tahu sejak lama dahulu. Yakni, sepertimana fragmen-fragmen daripada warisan tradisi penulisan yang sama, Hikayat Merong Mahawangsa dihasilkan dan ditanggapi menerusi latar belakang himpunan khazanah ilmu pengetahuan yang sama-sama dimiliki baik oleh pengarang-pengarang Melayu, mahupun masyarakat mereka sendiri. Hikayat Merong Mahawangsa adalah rangkaian petikan-petikan kata yang dikutip daripada teks-teks lain, dan hal ini adalah sangat jelas. Apabila sampai pada gilirannya pula, ia juga turut menawarkan petikan-petikan kata daripada pengarang dan penglipur lara Melayu lainnya yang kemudiannya turut terlibat dalam membina lebih banyak lagi fragmen-fragmen petikan kata.

Dalam bab 4, dan dalam banyak sudut, tumpuan utama buku ini akan membahas dan menghujahkan bahawa kebergantungan kepada teks-teks lain untuk pembinaan dan pemaknaan fragmen-fragmen petikan kata adalah salah satu daripada ciri-ciri yang terdapat dalam sistem komunikasi setiap budaya, sepertimana budaya Melayu pada abad ke-19, tatkala ia kuat dipengaruhi oleh sifat budaya lisan-dengar.

Dalam tempoh satu atau dua dasawarsa yang lalu, telah tumbuh beberapa pusat kajian teks yang dianggap berwibawa di Barat. Kemunculan pusat-pusat kajian teks ini telah membuatkan pengkritik Barat lebih sedar bahawa apa yang dikira sebagai absah untuk sesebuah teks dalam suatu masyarakat berbudaya lisan-dengar, turut mempunyai persamaan dengan teks-teks daripada budaya mereka sendiri yang dipengaruhi kuat oleh budaya kecelikan huruf. Di Barat, sesebuah teks itu turut dihasilkan berlatarkan himpunan khazanah ilmu pengetahuan yang dipunyai oleh pengarangnya tentang teks-teks lain yang ada dalam masyarakat mereka. Di sini juga sesebuah teks itu turut ditanggapi oleh masyarakatnya berlatarkan himpunan khazanah ilmu pengetahuan yang juga dikutip daripada teks-

teks lain. Cumanya perbezaan antara mereka dengan masyarakat berbudaya lisan-dengar adalah ilmu pengetahuan yang ada pada pembaca mereka tidak semestinya sejajar dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh pengarang kepada teks yang mereka cuba fahami itu. Untuk menjadikan sesebuah teks itu bermakna, kita boleh menarik benang rujukan kita dari pelbagai pusat-pusat budaya yang lebih luas daripada apa yang pengarangnya inginkan. Sebaik sahaja tafsiran kita terhadap sesebuah teks itu sudah berada di khalayak umum, kewujudannya mungkin akan berlanjutan walaupun ia telah ditolak oleh pembaca lain, dibantah oleh tafsiran lain.

Tafsiran-tafsiran yang bertentangan di antara penulisan James Low, Richard Winstedt dan Bab 8 buku ini terhadap teks Hikayat Merong Mahawangsa adalah contoh paling jelas bagaimana sisi-sisi berlainan daripada satu teks yang sama dapat diketengahkan menerusi kutipan petikan-petikan kata dari pusat wibawa yang berbeza.

Low, menulis pada tahun 1849, menerima bahawa Hikayat Merong Mahawangsa dikarang untuk mempersembahkan sejarah Kedah. Menerusi kaedah perumusan yang teliti, pemerhatian dan perbandingan, beliau sampai ke suatu kesimpulan bahawasanya perkara-perkara pokok yang terdapat dalam Hikayat Merong Mahawangsa selari dengan realiti sejarah. Catatan terjemahan beliau tentang intipati kandungan Hikayat tersebut difikirkan sebagai penting sehingga ia dimuatkan dalam *Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, suatu pusat ilmu berpengaruh yang mengumpulkan dan menyebarkan perihal budaya Melayu pada pertengahan pertama abad ke-19.

Namun, Winstedt, menulis kira-kira seratus tahun selepas Low, menolak sebarang dakwaan kebenaran yang dikemukakan oleh Hikayat Merong Mahawangsa. Beliau melecehkan Hikayat dengan menganggap bahawa kandungan teksnya cuma berisi dongeng rakyat yang sebahagian besarnya tidak relevan buat kajian sejarah. Malahan beliau berfikiran Hikayat tidak layak dibaca walaupun sebagai karya sastera—ia membosankan dan tolol, sepertimana juga teks-teks warisan tradisi Melayu lain yang sudah dalam pengetahuan British. Justeru, dalam kajian British, rujukan mereka, walaupun jumlahnya terbatas, adalah penulisan daripada sumber bukan-Melayu yang dianggap sebagai teks sejarah sebenar yang dapat memberi bukti buat menyokong data dan tarikh yang diperlukan dalam penulisan mereka. Manakala himpunan khazanah teks warisan tempatan akhirnya perlahan-lahan ditidurkan (dinyahkan daripada menjadi sumber rujukan). Meskipun kemudiannya terdapat edisi-edisi teks yang diterbitkan dalam jumlah besar pada awal abad ke-20 dan ia boleh pula diperolehi secara mudah, namun teks-teks warisan

tempat ini tak berupaya dibangkitkan semula daripada tidurnya.

Konsep intertekstualiti—sehingga ke butiran teks paling kecil, kandungan di dalamnya diresapi oleh susur galur petikan kata yang kompleks yang dikutip daripada teks-teks lain—boleh menjadi semacam alat analisis berguna bukan sahaja untuk membaca Hikayat Merong Mahawangsa, malah untuk membaca bacaan yang dilakukan oleh orang lain ke atas Hikayat tersebut. Bukanlah menjadi suatu kejutan apabila pembacaan yang dibuat, walaupun hanya di tingkat permukaan, akan menemukan dengan jelas bahawa rangkaian petikan-petikan kata yang meresapi teks-teks British mempunyai bentuk serta pola berbeza daripada rangkaian petikan kata yang terkandung dalam teks-teks Melayu: pusat-pusat budayanya berbeza, terlalu berbeza, sehinggakan adalah lebih praktikal untuk mengatakan bahawa kedua-duanya (teks British dan teks Melayu) sukar dibuat penilaian dan perbandingan menggunakan piawai yang sama.

Kesukaran yang sama dalam membuat penilaian dan perbandingan teks ini, turut wujud pada bacaan yang dilakukan oleh pembaca-pembaca British sendiri. Antara yang mencuri perhatian istimewa kita adalah bacaan daripada Low dan Winstedt kerana kedua-dua mereka memberi tumpuan yang lebih kepada Hikayat Merong Mahawangsa berbanding dengan pembaca British lainnya. Yang nyatanya, kedua-dua mereka mengajukan pertanyaan-pertanyaan berseberangan: mereka memilih, menyaring dan mengabaikan idea serta kepercayaan yang berlainan—dengan kata lain, teks-teks mereka mempunyai susur galur yang berbeza.

Untuk memperjelaskan perbezaan-perbezaan ini, beberapa konsep yang dibangunkan oleh Michel Foucault boleh menjadi sandaran yang sangat berguna kepada kita. Untuk merumuskannya dalam istilah beliau sendiri: seperti mana-mana warisan, seperti mana-mana bidang ilmu pengetahuan, Pustamelayuwan—suatu himpunan teks-teks, yang ditulis dalam bahasa Inggeris, membincangkan segala hal dan perihal tentang Melayu, hanya secebis fragmen dalam gugusan ilmu pengetahuan Barat—adalah suatu himpunan yang longgar sifatnya, mengandungi kekurangan, kesalahan dan keretakan serta terdapat lapisan-lapisan yang rencam, dan setiap satu daripadanya beroperasi menerusi suatu set tatacara dan peraturan yang mengkritik masalah-masalah terpilih, mengetepikan sudut pandang tertentu, dan membatasi pengumpulan ilmu pengetahuan.

Pusat-pusat budaya—tempat jalur-jalur ditarik keluar daripada pelbagai lapisan yang dioperasikan oleh Low dan Windstedt—barangkali tak terhitung jumlahnya. Namun, pengalaman membaca

yang sudah dilalui (*déjà-lu, déjà-vu, déjà-vécu*) oleh seseorang pembaca itu tentunya terhad. Kita sebagai pembaca tentunya sudah membaca beberapa buah buku dan esei tertentu. Kita juga sudah punya beberapa pengalaman hidup, dan kita telah turut diberitahu mengenai konsep dan idea mana yang penting—dan kita kemudiannya menggunakan pengetahuan tersebut untuk memutuskan jalur benang manakah yang lebih bermanfaat dalam menentukan pemilihan beberapa petikan kata, tatkala terdapatnya beberapa peraturan dalam kajian ilmu pengetahuan, yang dijadikan sandaran dalam menyulam lapisan-lapisan petikan kata, yang digunakan oleh Low dan Winstedt. Membaca adalah suatu kegiatan terpilih. Kita memilih apa yang hendak dibaca, baris mana yang mahu dikutip. Ini secara nyatanya akan menghasilkan fragmen-fragmen yang hanya mampu meliputi sebahagian kecil sahaja daripada susur galur keseluruhan teks yang dikaji. Dengan kata lain pemaknaan ke atas teks-teks itu dilakukan dari suatu sudut pandang yang tentunya terbatas. Ini wajar sahaja kerana secara praktikalnya kita takkan mungkin dapat meneroka setiap satu baris ayat yang terdapat dalam sesebuah teks itu.

Namun begitu, ia bukanlah bermaksud bahawa pembacaan yang dibuat terhadap bacaan Low dan Winstedt ke atas Hikayat Merong Mahawangsa sepertimana dikemukakan dalam bab 2 dan 3 buku ini, dilakukan pentafsirannya secara sewenang-wenang. Pusat-pusat budaya mungkin tak terhitung banyaknya, keupayaan pembaca untuk menyusun kembali barangkali terbatas; namun begitu, adalah dirasakan tidak menjadi kesalahan untuk memberikan wibawa yang lebih kepada sesuatu pusat berbanding pusat yang lainnya. Beberapa peraturan dalam kajian ilmu pengetahuan boleh dianggap lebih menguasai berbanding yang lain dalam mengatur-susun sesuatu ilmu itu, dan ada peraturan dinilai sebagai lebih berkesan daripada lainnya dalam mentakrifkan pertanyaan-pertanyaan penting yang berkaitan—dan ini turut terpakai kepada bacaan yang dilakukan oleh Low dan Winstedt ke atas Hikayat Merong Mahawangsa, serta juga pembacaan terhadap bacaan mereka itu. Buku ini akan mengajukan hujah bahawa idea yang muncul dari Pencerahan Scotland (*Scottish Enlightenment*) dan Edward Burnett Tylor adalah merupakan pusat-pusat budaya utama yang telah mengemukakan pertanyaan-pertanyaan penting itu.

Bab-bab yang membincangkan dua lapisan ilmu pengetahuan itu didahului oleh satu bab yang akan menjelaskan tentang bagaimana wibawa dan intertekstualiti beroperasi secara terbatas. Akan juga ditunjukkan bagaimana perbincangan pada zaman yang terdahulu berkenaan Kedah dan Hikayat Merong Mahawangsa kembali bergema dalam tulisan-tulisan para Melayuwan (mereka yang

mengkaji dan menulis segala hal dan perihal tentang Melayu) pada zaman kemudiannya. Bab 1, adalah bertujuan terutamanya untuk memberi latar belakang ringkas kepada konteks zaman tatkala bacaan terhadap Hikayat dibuat dan digunakan setelah ia ditemui pada kira-kira tahun 1830.

Intertekstualiti merupakan alat analisis utama yang diterapkan dalam penulisan buku ini. Konsep wibawa digunakan sebagai suatu prinsip mengawal dan mengatur (*regulative principle*) intertekstualiti tersebut. Bab 1 dalam *Pertarungan Wibawa di Jantung Kuasa* bertujuan untuk menunjukkan bahawa suatu gambaran yang bermakna tentang Pustamelayuwan, boleh diperolehi menerusi penelitian terhadap bacaan yang dilakukan oleh British ke atas satu fragmen yang dikutip daripada teks warisan tradisi Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa. Low dan Winstedt adalah contoh terbaik yang boleh diselidiki untuk memahami pembahagian dua lapisan ilmu pengetahuan sewaktu campur tangan British dalam hal ehwal Melayu di Semenanjung. Kedua-dua lapisan ini diuraikan secara lazimnya bersandarkan kepada konteks kegiatan Barat yang lebih luas di Semenanjung, tempat data-datanya dipetik daripada himpunan khazanah ilmu pengetahuan sedia ada yang dikutip daripada buku dan rencana tentang kehadiran British di wilayah Asia Tenggara.

Kebanyakan Melayuwan beroperasi tanpa sebarang renungan semula terhadap kerja-kerja yang telah mereka lakukan itu. Mereka membuat penilaian terhadap objek kajian mereka menerusi suatu bentuk pertimbangan kemunasabahan yang telah diterima secara umum dalam budaya masyarakat mereka, digabungkan pula dengan ilmu pengetahuan mengenai bacaan klasik yang dianggap berwibawa (*loci classici*) yang mereka miliki sama ada secara mendalam atau sekadar permukaan dalam bidang kajian mereka. Permasalahan epistemologi biasanya akan mereka tolak ke tepi, manakala kaedah retorik digunakan bukan direnungkan. Natijahnya: suatu jumlah besar data serta idea-idea yang dikutip dari pelbagai jalur sudut pandangan.

Pada era Low, mereka menumpukan kepada andaian bahawasanya ilmu pengetahuan itu adalah suatu himpunan gambaran yang tepat serta betul, dan kerana itu bagi mereka, hanya ada satu jalur sahaja untuk mewakili realiti, sedikit demi sedikit ia akan ditemui oleh manusia sebagai kebenaran yang menyeluruh. Manakala era Winstedt pula, data serta idea-idea yang muncul tertumpu kepada anggapan bahawasanya kemungkinan terdapat pelbagai jalur untuk mewakili realiti, dan semua jalur itu mempunyai semacam kekuatan yang meyakinkan, namun begitu buat mereka, hanya ada satu jalur

gambaran yang unggul dan diberi keistimewaan—jalur British.

Malaysia pada hari ini sudah pun merdeka dan membentuk negaranya sendiri. Barat pula telah mengalami zaman perang yang kejam. Eropah sudah kehilangan banyak daripada keyakinan diri yang ia punyai sebelum ini. Konteks Hikayat Merong Mahawangsa juga telah pun berubah dan pertanyaan-pertanyaan baru yang muncul dianggap lebih relevan dan lebih bermanfaat—kedudukannya sebagai “wakil kebenaran” kini telah bertukar. Pada hari ini, kesimpulan yang dikemukakan oleh Low dan Winstedt dihargai, tetapi dengan berat hati.

Ini bukanlah untuk mengatakan bahawa pertanyaan yang dikemukakan oleh Low atau jawapan yang diberikan oleh Winstedt itu salah. Hakikat bahawasanya tulisan-tulisan mereka difikirkan sebagai mempunyai nilai untuk diterbitkan, sepatutnya menjadi semacam suatu undangan kepada kita untuk melakukan penelitian yang serius terhadap tulisan-tulisan tersebut. Kelihatannya seperti lebih wajar untuk mengandaikan bahawa tulisan-tulisan mereka itu tidak lagi mampu menampung perbincangan pada hari ini. Oleh yang demikian, sepertimana diungkapkan oleh Richard Rorty, penelitian semula yang serius ini, adalah menjadi tugas serta tanggungjawab sarjana-sarjana Eropah. Langkah pertama adalah untuk menyenaraikan secara jelas dan terang beberapa aturan dan kaedah ilmu pengetahuan yang telah menguasai Pustamelayuan selama ini—menelanjangkan hukum-hukum pemaknaan yang telah mendorong Low dan Winstedt membuat kesimpulan mereka, yang pada hari ini dianggap bukan sahaja tidak meyakinkan, malahan tidak konsisten dan bertentangan antara satu tulisan dengan tulisan yang lain.

Melihat dengan ketakjuban pada kelemahan dan ketidakselarian hujah mereka adalah satu sisi yang terpapar—mengusulkan suatu pendekatan baharu adalah pelengkapannya, walaupun kita harus memperakui keterbatasan diri kita, bahawasanya kita tidak mempunyai khazanah ilmu pengetahuan dan perbendaharaan kata yang terbaik untuk merumuskan persoalan dan jawapan dalam perkara ini. Sebaliknya tugas kita hanyalah untuk menempatkan semula kajian bidang ini dalam bentuk yang membolehkan kita mengajukan persoalan-persoalan yang dapat mendorong ke arah suatu dialog lebih bermakna dengan warisan tradisi Melayu. Itu pun hanya jika kita sendiri masih mahu melakukan perbincangan tentang perkara ini sesama kita.

Perkara ini telah dilakukan dalam bab 4, 5, 6, 7 dan 8—setiap satu daripada bab-bab tersebut dengan caranya yang tersendiri, menumpukan perbincangan di sekitar Hikayat Merong Mahawangsa, suatu teks terkemuka daripada warisan tradisi

Melayu, yang juga turut menjadi warisan Pustamelayuwan. Bab 4 menukilkan suatu gambaran mengenai warisan Melayu pada permulaan abad ke-19, tatkala Hikayat tersebut dipercayai sudah pun wujud. Bab 5 dan Bab 6 pula memerikan kejatuhan warisan tradisi tersebut dalam budaya Melayu dari sudut keretakan yang terjadi apabila berlakunya peralihan daripada budaya kelisanan menuju percetakan. Bab ini mengajukan bahawa percetakanlah (digunakan dalam maksud luas), yang telah membawa perubahan radikal dalam kalangan lingkungan cendekiawan Melayu, sehingga akhirnya secara beransur-ansur masyarakat Melayu tidak lagi mahu menerima kerelevanan, kemahiran, kehalusan dan keterampilan yang terkandung dalam warisan tradisi Melayu kepunyaan mereka sendiri. Mereka kemudiannya tidak lagi berasa terkesan dengan apa yang yang cuba diterapkan oleh Hikayat Merong Mahawangsa kepada mereka.

Semenjak sekitar tahun 1820, British sendiri telah membuatkan kehadiran mereka di Semenanjung semakin dirasai. Mungkin di sini boleh ditampikan bahawa dalam rangkaian ilmu pengetahuan Melayu—sebahagian besarnya tidak boleh dibandingkan dengan Barat, sekurang-kurangnya sehingga sekitar tahun 1850—pengaruh British dan pengaruh kaum modenis Muslimah yang membentuk pusat-pusat budaya utama yang telah memaksa cendekiawan Melayu menyusun semula ilmu pengetahuan mereka mengikut jalur pemikiran baru. Persoalan baru serta jawapan baru perlu dirumuskan, dan ini membawa kepada berkuburnya wibawa teks warisan Melayu tersebut. Ia jatuh ke dalam gaung yang dalam, mereput dan dipinggirkan. Demikiannya, orang Melayu pada hari ini, kehilangan pedoman tentang apa yang perlu dilakukan kepada teks warisan tradisi mereka itu yang kini tidak lagi mempunyai peranan sepertimana yang dimainkan pada zaman berlatarkan budaya lisan-dengar pada abad ke-19 dahulu.

Buat orang Melayu sendiri, warisan tradisi tersebut sudah menjadi suatu khazanah yang terbengekalai. Terbiar dan tidak dipedulikan lagi kecuali oleh segelintir sarjana dan peminat karya lama yang tertarik dengannya. Warisan tradisi Melayu itu telah menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan orang Melayu sendiri yang masih mencari-cari identiti kebangsaan buat Malaysia. Walaupun terdapat usaha untuk membangunkan kembali minat terhadap teks warisan tradisi Melayu itu, namun setakat ini ia kelihatan seperti sia-sia. Bagaimana keindahan Hikayat Seri Rama dan kehalusan Hikayat Inderaputera boleh tersingkap dan terungkap buat masyarakat Malaysia yang moden? Dan bagaimana pula dengan warisan-warisan Melayu yang disebut sebagai teks sejarah seperti Hikayat

Merong Mahawangsa: adakah teks-teks ini merujuk kepada realiti? Dan jika ya, sejauh mana? Di manakah rujukan sejarah berakhir dan di manakah pula perlambangan serta kiasan tersirat bermula? Bagaimanakah caranya untuk membolehkan kita lebih memahami tentang orang Melayu yang hidup pada abad ke-19? Kenapa kita perlu membaca Hikayat Merong Mahawangsa sama sekali, jika sekiranya ia tidak untuk memperkayakan pengalaman hidup kita sebagai seorang manusia?

Hikayat Merong Mahawangsa mungkin bukan cuma terkait dengan realiti Kedah dan terhubung dengan realiti Melayu pada abad ke-19, tetapi juga tersulam dengan teks-teks lain. Dan sejauh ini, setelah kita kebuntuan dalam bacaan rujukan kita untuk menemui kebenaran dan keselariannya dengan realiti, kemungkinan kita akan memutuskan bahawa adalah lebih bermanfaat untuk menumpukan kepada aspek tekstual yang terkandung dalam Hikayat daripada persoalan tentang sejauh mana ia sama sekali merujuk kepada Kedah. Ini bukan bermaksud bahawa ia tidak merujuk kepada suatu apa pun dalam dunia ini—setiap teks tentunya merujuk kepada sesuatu dengan caranya tersendiri—tetapi secara mudahnya kerana keutamaan dan kelebihan aspek perlambangan serta kiasan tersiratnya kemungkinan besar lebih menjanjikan kita kepada penerusan sebuah perbincangan yang lebih bermakna dan bernilai dengan warisan Melayu ini.

Pertanyaan yang melahirkan bab 7 dan 8 adalah cukup sederhana: Kenapa seorang pembaca dari Barat pada tahun 1980 berasakan bahawa Hikayat Merong Mahawangsa perlu dibaca? Terdapat beberapa sebab yang biasa-biasa sahaja. Semenjak tahun 1970, teks Hikayat Merong Mahawangsa sudah sedia ada di pasaran dalam bentuk buku yang dicetak cantik dan mempunyai geometri reka bentuk kulit buku yang menarik. Selain itu, buat sesiapa yang tahu berbahasa Melayu—suatu syarat penting untuk menjadi pembaca teks warisan tradisi Melayu yang baik—tentunya akan tertarik dengan judul nama buku yang pelik serta ganjil, dan ini mendorong keinginan untuk menyelidiki dengan lebih lanjut isi kandungannya. Lebih-lebih lagi apabila teks ini tidak diberikan sebarang perhatian di dalam kelas. Ini menambah lagi rasa ingin tahu.

Pada mulanya Hikayat Merong Mahawangsa mencetuskan ketakjuban. Takjub dengan isi kandungannya, dan takjub dengan jaminan kepastian yang diberikan oleh kedua-dua pihak, Melayu dan Melayuwan, bahawa ia mewakili sejarah Kedah. Bagaimana mungkin ada orang yang boleh menulis suatu naratif yang seaneh dan sepelik ini? Dan bagaimana mungkin kita boleh berfikir bahawa kisah burung garuda atau kisah seorang raja yang mempunyai siung, dalam cara apa pun ia ditulis, merujuk kepada kisah benar

yang berlaku di Semenanjung? Aneh dengan pembaca moden yang tidak mempedulikan kehalusan dan kerumitan serta kecanggihan naratif yang diolah oleh pengarangnya. Tercengang dengan betapa mudahnya untuk mengenal pasti sesuatu versi Hikayat Merong Mahawangsa dengan pelbagai versi-versi lain. Bagaimana mungkin orang boleh tidak peduli dengan perbezaan-perbezaan yang wujud antara pelbagai versi Hikayat ini, ia terserlah jelas dan mengagumkan. Semuanya itu adalah semacam teka-teki membingungkan yang menanti penemuan jawapan dan penyelesaiannya.

Kita boleh cuba untuk membangunkan teks ini daripada tidurnya, atau sebetulnya kita juga boleh mengutip mana-mana sahaja fragmen warisan Melayu lain, dan kemudian meneroka makna keanehannya, atau pun kita boleh menjadikannya relevan kepada kehidupan kita sendiri—atau kita boleh sahaja menggabungkan kedua-duanya.

Keanehan Hikayat Merong Mahawangsa diterokai dalam bab 1 hingga bab 6. Manakala bab 7 pula, mengandungi tinjauan ringkas terhadap pelbagai versi teks-teks Hikayat Merong Mahawangsa yang ada sekarang, dan ia perlu dibaca sebagai pendahuluan kepada bab 8 yang cuba untuk menjelaskan kenapa membaca Hikayat Merong Mahawangsa boleh menjadi suatu pengalaman yang mengujakan meskipun dipenuhi dengan pelbagai cerita aneh, ganjil dan pelik dalam naratifnya. Bab 8 menawarkan pembacaan intim terhadap naratif yang terkandung dalam edisi *Hikayat Merong Mahawangsa* terbitan 1970 yang mempesonakan itu, dipecahkan kepada dua pengkategorian—kerencaman dan kesamaran. Terdapat banyak dan bermacam-jenis pengulangan lazim serta penyalinan semula naratif dalam teks tersebut, dan ini mengundang saranan kepada kemungkinan untuk menyusun naratif dalam suatu tetapan yang rumit, yang memuatkan unsur pertentangan dan pengenalpastian: lebih banyak pengulangan semula, lebih luas kepelbagaian makna.

Dalam bacaan intim ini, detik masa untuk memutuskan nilai perujukan adalah ditunda. Membaca tidak semestinya berminat kepada pertanyaan tentang sejauh mana sesuatu tafsiran yang dibuat itu merujuk kepada realiti; ia boleh membataskan dirinya, untuk menjadikan sesebuah teks itu memiliki makna. Kekuatan rumusannya tidak bersandarkan kepada keupayaan untuk membuktikan bahawa Hikayat merujuk kepada Kedah, tetapi sebaliknya, kemampuan untuk terus melanjutkan perbincangan mengenai keindahan teks warisan tradisi Melayu, kedalaman maknanya dan juga kecandaannya. Hikayat Merong Mahawangsa hanya boleh mendapat tempat yang sewajarnya jika kita menghargai bait-bait kata sebagaimana ia sewajarnya dinilai—adalah lebih bermakna jika kita tidak membincangkannya di tingkat realiti

atau kebenaran, sepertimana yang dilakukan oleh Low, mahupun di tingkat ikhtisar, sepertimana yang dikemukakan oleh Winstedt, tetapi di tingkat naratif yang terkandung dalam teks itu sendiri, mengutip bait-bait kata yang tertera di atas helaian-helaian halaman muka suratnya.

Pertarungan Wibawa di Jantung Kuasa mengajukan dua usulan sekali gus—satu bersifat luas dan satu lagi bersifat terbatas. Usulannya bersifat luas kerana ia membincangkan bidang pengajian Melayu serentak dengan persoalan perubahan yang berlaku ke atas sistem tekstual Melayu dengan hanya bersandarkan kepada satu karya sahaja iaitu Hikayat Merong Mahawangsa. Ia juga bersifat terbatas kerana tidak penuh dan menyeluruh, sebaliknya cuma kutipan cebisan-cebisan fragmen petikan kata yang terkandung dalam teks. Ini menjadikannya samar-samar dan memang disedari bahawa kesamaran itu pastinya akan mengundang sasaran kritik. Namun diharapkan ia menyumbang ke arah semacam suatu penelitian semula yang akan membangkitkan kembali teks warisan Melayu daripada tidurnya. Kerana itu, ia berbaloi dilakukan.

Kita tentunya sudah sedia maklum akan hakikat sedih sebuah teks sepertimana buku ini sendiri—ia adalah sebuah bacaan ke atas bacaan—dan pembacaan yang dilakukannya itu akan dibaca pula oleh pembaca-pembaca lain, yang akan turut mengambil petikan-petikan terpilih, dan dalam bentuk cebisan-cebisan fragmen juga. Dan ini seharusnya tidak mematahkan semangat kita untuk terus meneroka kerana setiap teks itu tertakluk pada pembacaan semula dan terdedah pula kepada kesalahan serta kesilapan. Ini tak terelakkan kerana pembacaan dan pemahaman adalah suatu kegiatan yang beroperasi daripada banyak pilihan yang ada, banyak jalur pemikiran yang wujud, dan daripada banyak pusat-pusat budaya yang terbina.